

Publication : **Harian Metro Online**
Date : 28 June 2014
Section : N/A
Page : 0
Headline : Terima 70% tempahan



Bisnes

Terima 70% tempahan

Cetak

Oleh Muhammad Apendy Issahak

Pemaju hartanah yang tersenarai di papan utama, Hua Yang Bhd (Hua Yang), yang melancarkan projek Greenview Residence dan Ridgewood di Bercham, Perak mendapat sambutan mengalakkan dengan menerima tempahan 70 peratus selepas dua minggu dilancarkan.

Nilai Pembangunan Kasar (GDV), bagi kedua-dua projek perumahan membabitkan kediaman rumah teres tiga tingkat, rumah teres dua tingkat, kelompok rumah berkembar tiga tingkat dan banglo bersambung tiga tingkat itu, dianggarkan bernilai RM106.9 juta.

Penolong Pengurus Besar Hua Yang, Tony Ng berkata, projek Greenview Residence dan Ridgewood antara pembangunan perumahan terakhir di kawasan Bercham yang semakin berkembang pesat.

"Greenview Residence membabitkan pembinaan 39 unit rumah teres tiga tingkat dan tiga unit rumah teres dua tingkat dengan GDV RM12.4 juta.

"Manakala, bagi fasa pertama projek Ridgewood yang terdiri daripada 84 unit kelompok rumah berkembar tiga tingkat dan enam unit banglo bersambung tiga tingkat dengan GDV berjumlah RM53 juta, sementara fasa kedua pula, merangkumi 44 unit rumah kelompok berkembar tiga tingkat, banglo bersambung tiga tingkat (14 unit) dan lapan unit banglo dengan jumlah GDV RM41.5 juta," katanya.

Beliau berkata, harga rumah di Greenview Residence adalah serendah RM270,000 seunit dan bagi unit kediaman di Ridgewood yang juga hak milik kekal serta berkonsepkan komuniti berpagar adalah serendah RM550,800.

Tony berkata, negeri ini menjadi perhatian kebanyakan pemaju hartanah sejak kebelakangan ini disebabkan pembangunan pesat di bandar raya Ipoh dan kawasan penting seperti Bercham yang terletak di lokasi strategik.

Artikel ini disiarkan pada : 2014/06/28

ARTIKEL LAIN

[Bahan mesra alam](#)


[Manfaat bina bangunan hijau](#)

[Permintaan produk mesra alam meningkat](#)

[Sasar RM3.6b jualan hartanah](#)

VIDEO

Lagi Video



PALING POPULAR

[Tak sedih](#)

[Pilih 5 Ramadan](#)

[Pertingkat semua dimensi](#)

[10 tahun terkurung](#)

[Mohon Pesuruhjaya Kehakiman tarik diri](#)